

HASiL/2025/03/18 – 25

PERMOHONAN ANSURAN UNTUK BAYARAN BAKI CUKAI ATAU TUNGGAKAN CUKAI SECARA DALAM TALIAN MELALUI e-ANSURAN DI PORTAL MYTAX

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa perkhidmatan permohonan ansuran untuk bayaran baki cukai atau tunggakan cukai secara dalam talian melalui e-Ansuran telah boleh diakses menerusi Portal MyTax mulai 5 Mac 2025. Inisiatif ini diperkenalkan bagi memudahkan pembayar cukai membuat permohonan ansuran baki cukai atau tunggakan cukai dan mendapatkan kelulusan secara automatik tanpa memerlukan sebarang dokumen sokongan.

Pembayar cukai yang memenuhi kriteria berikut adalah layak untuk memohon perkhidmatan e-Ansuran:

1. Jumlah amaun permohonan melebihi RM 300.00 dan ke atas.
2. Jumlah bilangan ansuran adalah dua (2) hingga enam (6) kali sahaja.
3. Melibatkan ansuran cukai pendapatan sahaja (termasuk sebarang kenaikan, jika berkenaan).
4. Tidak melibatkan ansuran yang sedang berkuatkuasa.

Pembayar cukai boleh mengakses perkhidmatan e-Ansuran dengan log masuk ke portal MyTax menerusi pautan <https://mytax.hasil.gov.my/> dan memilih peranan yang berkaitan (Individu / Pengarah / Wakil Pengarah). Sebagai maklumat tambahan, sebarang pembatalan permohonan e-Ansuran hanya boleh dilakukan di pejabat HASiL.

HASiL komited dalam menyediakan kemudahan pembayaran cukai yang lebih fleksibel dan mesra pengguna. Pelaksanaan e-Ansuran ini diharap dapat membantu pembayar cukai dalam memenuhi tanggungjawab percukaian mereka dengan lebih mudah dan teratur.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN. TERIMA KASIH.

RISE BEYOND LIMITS

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 18 Mac 2025

Ms | 2



HASIL_MALAYSIA



HASILMALAYSIA